

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN 'DISCOVERY UNIVERSITY'

TEMPAT: DEWAN SULTAN ISKANDAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA SKUDAI,
JOHOR

TARIKH: 28 AUG 1999

MASA:

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kerana menjemput saya ke majlis pelancaran temanya sebagai 'Discovery University' pada hari ini.

2. Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif adalah satu daripada wawasan negara kita untuk menjadi sebuah negara maju dengan cara kita tersendiri tanpa terikut kepada cara dan corak negara-negara maju yang lain khususnya daripada negara Barat. Kemajuan yang kita harapkan adalah kemajuan yang sempurna bukan sahaja diukur daripada segi pencapaian lahir atau fizikal semata-mata, malah meliputi suatu masyarakat yang sempurna dari segi nilai moral dan etika yang tinggi.

3. Masyarakat negara maju adalah masyarakat yang mempunyai kemahiran dan kepakaran sains serta teknologi yang tinggi, bukan setakat mengubahsuai tetapi boleh mencipta, menambah dan memperbaharui teknologi yang diperlukan. Oleh itu usaha UTM dalam memberi penekanan kepada penemuan baru atau 'discovery' adalah suatu langkah yang positif ke arah mempercepatkan lagi langkah menuju kepada negara maju yang dimaksudkan. Bagi mencapai matlamat ini, pertumbuhan ekonomi yang pesat amatlah penting dan ini berkait rapat dengan sektor industri pembuatan, perdagangan, pelaburan, daya saing, kualiti tenaga kerja serta kekentalan menghadapi cabaran.

4. Saya difahamkan bahawa UTM telah berjaya mengeluarkan lebih daripada 45,000 graduan dalam bidang sains dan teknologi khususnya jurutera sejak 1972. Sumbangan pihak Universiti dalam membekalkan sumber tenaga manusia untuk memajukan ekonomi khususnya dalam bidang perindustrian amatlah relevan didalam pembangunan negara. Di sini saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak UTM, khususnya kepada pensyarah yang telah bertungkus lumus mendidik anak bangsa demi mewujudkan masyarakat saintifik dan bagi menyediakan kumpulan rakyat yang boleh mendapat kehidupan yang sempurna dalam masyarakat yang demokratik, toleran, dinamik dan mempunyai daya ketahanan yang tinggi.

5. Sepanjang abad ke-20 sektor industri merupakan sektor utama di dalam pembangunan negara. Sektor industri telah membangun berbagai-bagai teknologi dalam pelbagai bidang. Hasil teknologi dipasarkan untuk menghasilkan pelbagai barangan yang murah, canggih dan berkualiti sementara teknologi telah menjadi keperluan asas masyarakat khususnya teknologi automotif, telekomunikasi, maklumat, elektronik dan sebagainya. Oleh itu langkah UTM memberi penekanan kepada penyelidikan dan penemuan baru bagi kesejahteraan rakyat amatlah tepat dengan keperluan negara kita.

6. Peranan universiti telah berubah daripada yang 'conventional' iaitu daripada gedung ilmu kepada penjana teknologi. Alaf yang akan datang memerlukan institusi pengajian tinggi mengubah arus pembangunan ilmu selari dengan perkembangan pesat sektor industri dan universiti serta institusi pengajian tinggi telah menjurus peranannya sebagai agen 'discovery'. Masyarakat kini melihat universiti sebagai sebuah perusahaan yang perlu menghasilkan produk yang memenuhi keperluan pelanggan serta dapat diaplikasikan oleh industri terutamanya sektor pembuatan.

7. Arah tumpu industri sekarang adalah kepada perusahaan yang berasaskan teknologi termaju dan memerlukan produk yang lebih 'market-driven'. Oleh itu, selain daripada mengeluarkan sumber tenaga manusia, hasil-hasil penyelidikan adalah antara produk sesebuah institusi pengajian tinggi yang sesuai mengikut perkembangan semasa. Perkembangan bidang sains dan teknologi memerlukan aktiviti penyelidikan yang kukuh. Usaha UTM melancarkan temanya sebagai 'Discovery University' adalah tindakan yang selari bagi memantapkan proses penjanaan produk iaitu tenaga mahir dan teknologi terbaru supaya ianya sesuai digunakan oleh masyarakat.

8. Saya difahamkan bahawa beberapa penemuan seperti teknologi solar, teknologi membran, ciptaan 'sine lab' adalah penemuan-penemuan yang telah diusahakan oleh UTM, dan pada hari ini sebuah makmal Teknologi Marin telah dirasmikan. Kewujudan Makmal Teknologi Marin ini menambahkan lagi usaha-usaha UTM didalam bidang penyelidikan marin dan juga meningkatkan lagi kemahiran negara dalam industri marin. Makmal Teknologi Marin ini di samping menyediakan kemudahan untuk pensyarah dan pelajar akan menjalankan penyelidikan serta bekerjasama dengan industri perkapalan bagi menyokong pembangunan industri maritim negara dan seterusnya menambah pendapatan 'invisible' negara dalam dagangan antarabangsa.

9. Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada pihak UTM kerana telah mempelopori teknologi marin dan saya difahamkan makmal teknologi marin ini telah mendapat pengiktirafan daripada 'International Towing Tank

Conference'. Pengiktirafan ini membuktikan masyarakat antarabangsa yakin tentang keupayaan kita dan saya juga yakin bahawa teknologi marin akan berkembang dengan pesat di negara ini.

10. Kerajaan telah menyediakan sejumlah besar peruntukan untuk peningkatan tahap pendidikan di negara ini. Pelajar yang memasuki institusi pengajian tinggi adalah sebahagian daripada sumber manusia yang penting kepada negara. Ini kerana negara memerlukan lebih ramai sumber manusia yang berilmu dan mahir dalam pelbagai bidang sains dan teknologi. Pelajar-pelajar Universiti boleh menjayakan negara sekiranya memahami tanggungjawab sebagai seorang pelajar. Negara-negara yang penduduknya ramai seperti Indonesia, Thailand, Vietnam, Bangladesh dan China mempunyai kos tenaga buruh yang rendah berbanding dengan negara kita. Dengan itu bagi memastikan kita dapat menawarkan produk dan servis yang berkualiti maka kita memerlukan tenaga kerja yang berilmu serta berkemahiran yang boleh menangani teknologi yang tinggi. Oleh itu salah satu kaedah yang paling berkesan untuk mencapai kejayaan ini ialah dengan memastikan rakyat Malaysia mempunyai dan mendapat pendidikan terbaik dan mahir dalam bidang-bidang ilmu dan teknologi yang kritikal. Di sinilah pentingnya peranan UTM yang menawarkan kursus-kursus dalam bidang sains dan teknologi bagi mencapai hasrat tersebut.

11. Kita perlu menerima hakikat bahawa negara kita sudah jauh lebih maju berbanding sebelum merdeka. Walau bagaimanapun, situasi global sudah banyak berubah dan kehidupan memerlukan suatu persaingan yang sengit serta memberi tumpuan kepada servis yang bermutu, harga yang berpatutan dan pengutamaan kepentingan pelanggan. Oleh itu sumber tenaga manusia kita perlu berilmu, mahir, berkelayakan, bersikap positif dan sedar akan perlunya kita bersaing dalam masyarakat antarabangsa.

12. Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada pihak UTM dan saya berharap UTM akan terus melaksanakan tanggungjawabnya sesuai dengan matlamat yang ditetapkan oleh pihak universiti dan membantu negara membangun sebagai sebuah negara maju yang berdaya saing dalam industri pembuatan.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan 'Discovery University' untuk Universiti Teknologi Malaysia.

Terima kasih.